

09/12/1998

Pemulihan agenda utama

HANOI: SIDANG Kemuncak Asean keenam bermula dengan mesyuarat peringkat pegawai kanan (SOM) di sini semalam, dengan agenda utama menggariskan langkah bagi menyegerakan pemulihan ekonomi di rantau ini.

Mesyuarat dua hari ini akan disusuli oleh mesyuarat peringkat menteri luar dan menteri ekonomi Asean pada Sabtu ini dan mesyuarat bersama pada Ahad.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menghadiri mesyuarat berkenaan. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, dijangka tiba Isnin ini, mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Abdullah mungkin tidak menghadiri mesyuarat bersama, kerana menghadiri Perhimpunan Khas Umno.

(END)